

# Hotel di KL paling digemari pelancong

**Kuala Lumpur:** Hotel di Kuala Lumpur muncul sebagai tempat paling digemari berbanding lokasi utama lain seperti Pulau Pinang, Langkawi dan Melaka yang terkenal dengan tarikan pelancong.

Firma perunding harta-nah bebas, Knight Frank Malaysia menerusi laporan Tinjauan Pelaburan Hospitaliti Malaysia 2023 berkata, dalam tempoh enam bulan akan datang, 20 peratus daripada responden mempertimbangkan untuk meningkatkan pelaburan mereka terutama di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur kerana yakin terhadap potensi pulangan dan peluang yang ada dalam industri hospitaliti Malaysia.

Pengarah Eksekutif, Pelaburan Pasaran Modal Knight Frank Malaysia, James Buckley berkata, impak pandemik Covid-19 semakin berkurangan.

"Urus niaga di Malaysia baru-baru ini menunjukkan bahawa kos lebih efektif memperoleh hotel sedia ada dan bukannya membangunkan hotel baru," katanya dalam satu kenyataan.

Di samping itu, menurutnya, bagi pasaran hotel Malaysia, firma itu mendapati peratusan besar responden (31 peratus) menyatakan hasrat untuk meningkatkan pendedahan mereka terhadap sektor hotel Malaysia dalam tempoh dua tahun akan datang.